

08/01/2001

Jangan tetapkan sebarang syarat

auh

KUALA LUMPUR, Ahad - Rakyat pada peringkat akar umbi mendesak supaya pemimpin pembangkang tidak berdolak-dalik dengan mengenakan pelbagai syarat untuk menyertai perbincangan bagi penyatuan semula orang Melayu.

Mereka juga mahu pertemuan yang membabitkan pemimpin tertinggi Umno, Pas dan Keadilan itu diadakan segera bagi memastikan semua masalah dapat diselesaikan kerana perpaduan nasional berkait rapat dengan penyatuan orang Melayu.

Di SEREMBAN, pekerja swasta, Mohd Rudy Saidon, 22, berkata pihak pembangkang hendaklah menunjukkan keikhlasan jika benar-benar berminat membincangkan soal perpaduan Melayu, satu agenda penting nasional.

"Jangan letak syarat atau mencari alasan mengikut selera dan memihak kepada mereka saja. Kita tidak perlu berdolak-dalik, sebaliknya menunjukkan kesungguhan supaya matlamat dapat dicapai," katanya ketika ditemui hari ini.

Beliau mengulas mengenai keputusan Pas mahu perbincangan mengenai perpaduan Melayu, menjurus kepada kepentingan nasional, bukan untuk satu kaum saja.

Menerusi syarat baru itu, Pas mencadangkan perbincangan diadakan di Parlimen berdasarkan format delegasi supaya lebih banyak pandangan dan cadangan dapat didengar.

Semalam, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dilaporkan berkata, skop perbincangan pula mestilah lebih luas sejajar dengan konsep negara berbilang kaum.

Fauzainuddin Nordin, 23, juga pekerja swasta, berkata parti pembangkang tidak perlulah meletakkan syarat bukan-bukan untuk membincangkan isu penyatuan Melayu.

"Jika pemimpin Umno sudah membuka jalan dan mengajak untuk berbincang, tidak perlulah ditangguh atau meminta itu dan ini. Bincang dulu dan kemudian jika ada syarat bolehlah dikemukakan.

"Orang akan menganggap mereka yang sengaja mencari alasan untuk berbincang sebagai mengada-ngada kerana ini menggambarkan sifat mementingkan diri," katanya.

Pesara, Abd Wahab Jamil, 74, pula berharap perbincangan tiga pihak itu hendaklah terus diusahakan walaupun Pas cuba berdolak-dalik atau meletakkan syarat mengikut selera mereka.

"Pemimpin pembangkang hendaklah memikirkan apa yang hendak dibincangkan, iaitu agenda besar membabitkan perpaduan Melayu.

"Tidak perlulah mereka mencadangkan perbincangan itu diperluaskan kepada kepentingan nasional," katanya.

Di MELAKA, buruh binaan, Shakiruddin Jaamat, 34, berkata tindakan pemimpin Pas meletakkan syarat baru kepada Umno, jelas menunjukkan parti itu tidak ikhlas menangani masalah perpaduan orang Melayu.

"Pemimpin Pas begitu bimbang akan hilang taring jika orang Melayu bersatu kerana selama ini pun mereka mencari kesempatan meluaskan pengaruh di atas perpecahan orang Melayu," katanya.

Pekerja kilang, Azmi Hashim, 27, pula meminta pemimpin Umno tidak tunduk dengan pelbagai syarat yang ditetapkan Pas kerana itu semua helah mereka bagi memastikan hasrat murni Umno itu tidak berjaya.

"Jika usaha itu gagal, sudah tentu pemimpin Pas akan menggunakan peluang ini untuk memukul canang ke seluruh negara dengan mendakwa Umno tidak ikhlas menyelesaikan kemelut perpaduan orang-orang Melayu," katanya.

Di KOTA KINABALU, kakitangan swasta, Zain Kaiman, 30, mahu perbincangan antara tiga pemimpin parti disegerakan bagi mencari pemuafakatan dan tidak lagi berdolak-dalik dengan pelbagai syarat.

"Ini penting untuk menyelesaikan semua masalah berkaitan serta menjayakan matlamat ke arah penyatuan dan perpaduan Melayu," katanya.

Beliau berkata, tindakan mengenakan syarat sebelum perbincangan dapat dimulakan tidak akan membantu proses penyatuan orang Melayu.

Peniaga, Mohammad Bidin, 34, bersetuju pentingnya perbincangan diadakan segera tanpa sebarang syarat kerana perbuatan mengenakan syarat menunjukkan ia tidak ikhlas dan bermotif sesuatu.

"Perbincangan bertujuan mengembalikan semula perpaduan orang Melayu. Sebarang syarat hanya akan melengahkan permulaan perbincangan dan ini sesuatu yang merugikan," katanya.

Di ALOR STAR, seorang mekanik, Mahathir Amsah, 25, meminta pemimpin Pas supaya lebih rasional dalam soal perbincangan membabitkan tiga pihak iaitu Umno, Keadilan dan parti itu demi kepentingan masyarakat Melayu.

"Pas tidak seharusnya terus berdolak-dalih dalam menerima pelawaan Umno itu, sebaliknya harus terus menyatakan pendirian secara tegas untuk menjayakan perbincangan.

"Jika Pas terus meletakkan syarat, besar kemungkinan perbincangan yang mempunyai matlamat murni itu tidak akan menjadi kenyataan," katanya ketika ditemui hari ini.

Peniaga gerai makanan, Hasni Faheezah Abdul Halim, 22, pula berkata perbincangan itu harus segera diadakan demi perpaduan masyarakat Melayu yang selama ini dilihat berpecah-belah akibat perbezaan fahaman politik.

Katanya, sebagai parti yang memperjuangkan Islam, Pas harus lebih berterus-terang dalam menyatakan kehendak sebenar parti itu dalam menerima pelawaan Umno untuk berbincang, berbanding meletakkan syarat tertentu.

Di JOHOR BAHRU, Pengurus Kenny Rogers Roaster, Riad Abdul Malek, 29, berkata pihak yang ingin membincangkan isu perpaduan Melayu sepatutnya tidak meletakkan syarat tertentu.

"Sejak awal lagi isu ini patut diperbincangkan dari hati ke hati dan jika dibiarkan ia akan merugikan orang Melayu secara keseluruhannya.

"Semua pemimpin perlu memperjuangkan hak orang Melayu, jadi apa salahnya jika isu ini dibincangkan secara baik tanpa meletakkan syarat tertentu," katanya.

Peguam, Kamal Hisham Jaafar, 30, berkata pertemuan ketiga pemimpin itu sememangnya dinantikan oleh semua pihak sebagai usaha berterusan untuk menyatupadukan orang Melayu.

Tambahnya, isu politik yang sememangnya menjadi asam garam masyarakat Melayu perlulah ditolak ke tepi kerana perpaduan kaum perlu diberi keutamaan tanpa mengira fahaman politik.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Persatuan Kebajikan Islam Negeri Terengganu, Yusof Musa, menyifatkan tindakan Pas yang mengemukakan syarat baru bertujuan mengelak daripada dikatakan mengikut rentak dan pandangan pemimpin parti lain.

Katanya, pada dasarnya parti itu bersetuju dengan pertemuan yang akan diadakan itu tetapi enggan mengakui kerana bimbang dicop sebagai 'pak turut'.

Kakitangan kerajaan, Zabidah Harun, 29, berkata Pas tidak perlu mengemukakan sebarang syarat jika parti itu ikhlas memperjuangkan perpaduan Melayu.

"Proses menyatupadukan Melayu sepatutnya dilakukan sejak dulu lagi kerana Melayu sekarang berpecah disebabkan perbezaan fahaman politik pendapat individu.

"Rundingan perlu dilakukan secara ikhlas tanpa mempunyai kepentingan pribadi, puak atau kaum tertentu," katanya.

Di KOTA BHARU, Timbalan Presiden Persatuan Kontraktor Mekanikal Kelantan, Wan Norazah Jaafar, berkata apa yang berlaku di kalangan pemimpin Melayu kini ialah mereka memperlihatkan keinginan mengadakan perbincangan selepas menghadapi masalah.

"Bangsa lain yang ada di negara ini sudah lama bersatu dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlaku perpecahan.

"Tetapi orang Melayu yang memegang teraju pentadbiran negara ini pula asyik menuduh pihak lain dan masing-masing tidak cuba mengelakkan daripada berbalah sama sendiri," katanya.

Setiausaha Persatuan Warga Pesara Kerajaan Malaysia Cawangan Kelantan, Abdul Ghani Mahmud, pula berkata untuk bersatu orang Melayu perlu melihat kepada kepentingan masyarakat majmuk.

Katanya, perpecahan orang Melayu dan perpaduan di kalangan Melayu tidak timbul tetapi yang penting adalah menyatukan rakyat pelbagai kaum.

"Oleh itu, semua pemimpin Melayu dan bukan Melayu perlu bersatu dan masing-masing tidak mementingkan politiknya untuk menaikkan partinya yang boleh mengakibatkan perpecahan bukan saja di kalangan Melayu bahkan kaum lain," katanya.

Di IPOH, peniaga kedai runcit, Shahrudin Deli, 46, berkata pihak pembangkang sepatutnya ikhlas menyahut cadangan yang dirintis oleh Umno demi memastikan orang Melayu bersatu.

"Dengan pelbagai syarat yang dikenakan pemimpin pembangkang sejak cadangan menyatupadukan orang Melayu dibangkitkan, jelas membuktikan mereka tidak ikhlas, sebaliknya mengutamakan kepentingan politik sendiri.

"Sebelum ini, mereka mencadangkan isu itu tidak dibincangkan melalui media, selepas itu mahu ia turut membabitkan bangsa lain dan yang terbaru perbincangan hendaklah dibuat di Parlimen.

"Jika mereka terus memberikan pelbagai syarat, sampai bila pun usaha menyatukan Melayu tidak tercapai," katanya.

(END)